

KAJIAN KESAHIHAN HADITH DALAM APLIKASI TIKTOK

STUDY OF THE AUTHENTICITY OF HADITH IN THE TIKTOK APPLICATION

Nur Syazwani Mohd Fadzilla¹

Sulwani Salee²

Muna Izzah Azhar³

Maisarah Saidin⁴

¹Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia
(E-mail:nursyaz@raudah.usim.edu.my)

²Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia
(E-mail:sulwani@raudah.usim.edu.my)

³Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia
(E-mail:munaizzah48@gmail.com)

⁴Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia
(E-mail: maisarah@usim.edu.my)

Article history

Received date : 7-8-2023

Revised date : 8-8-2023

Accepted date : 25-9-2023

Published date : 15-10-2023

To cite this document:

Fadzilla, N. S., Salee, S., Azhar, M. I., & Saidin, M. (2023). Kajian Kesahihan Hadith Dalam Aplikasi Tiktok. *Jurnal Penyelidikan Islam dan Kontemporari (JOIRC)*, 6 (11), 158 - 168.

Abstrak: *Kajian ini membahaskan tentang penyebaran hadis menggunakan aplikasi TikTok. TikTok dapat didefinisikan sebagai perkongsian video yang menggabungkan elemen audio dan visual. TikTok merupakan media sosial popular dan digunakan secara meluas oleh orang ramai dalam pelbagai lapisan masyarakat. Melalui TikTok pengguna boleh menghasilkan, mengedit, menonton, memuat naik dan berkongsi pelbagai ilmu. Kini terdapat pelbagai video pengajaran dan pembelajaran berkaitan Pendidikan Islam khususnya ilmu hadis disebarluaskan menggunakan aplikasi TikTok. Namun begitu, kredibiliti hadis tersebut tidak dapat dikenalpasti. Tambahan pula, kebanyakan masyarakat awam kurang mengetahui tentang ilmu hadis. Ini menyebabkan mereka mengambil dan mengamalkan sesuatu hadis tanpa mengetahui kesahihannya. Oleh yang demikian, kajian ini akan mengenalpasti beberapa video hadith yang tersebar di Tiktok seterusnya menganalisis status hadith yang dimuat naik. Kajian ini juga akan menjelaskan isu-isu berkaitan hadith di Tiktok yang tersebar dalam kalangan masyarakat. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian yang berbentuk kualitatif ini menggunakan analisis dokumen dan video. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa status hadis di aplikasi Tiktok terdiri dari Sahih, Hasan, Dha'if dan Maudu'. Justeru, diharapkan kajian ini dapat memberi manfaat dan menyumbang ilmu pengetahuan kepada masyarakat tanpa mengira usia dalam mendalami ilmu hadis serta mengenalpasti kredibiliti sesuatu hadis di Tiktok.*

Kata Kunci: *Hadith, Tiktok, video, Sahih, Dha'if*

Abstract: This study debates about the spread of hadith using the TikTok application. TikTok can be defined as video sharing that combines audio and visual elements. TikTok is a popular social media and is widely used by people in various walks of life. Through TikTok users can produce, edit, watch, upload and share various knowledge. Now there are various teaching and learning videos related to Islamic Education, especially hadith knowledge disseminated using the TikTok application. However, the credibility of the hadith cannot be identified. Furthermore, most of the general public does not know much about hadith knowledge. This causes them to take and practice a hadith without knowing its authenticity. Therefore, this study will identify some hadith videos that are spread on Tiktok and then analyze the status of the uploaded hadith. This study will also explain issues related to hadith in Tiktok that are spread among the community. To achieve that objective, this qualitative study uses document and video analysis. The results of this study found that the hadith status on the Tiktok application consists of Sahih, Hasan, Dha'if and Maudu'. Therefore, it is hoped that this study can benefit and contribute knowledge to the community regardless of age in deepening the knowledge of hadith as well as identifying the credibility of a hadith in Tiktok.

Keywords: Hadith, Tiktok video, Sahih, Dha'if

Pendahuluan

Dalam era globalisasi ini, dunia teknologi telah berkembang pesat dari semasa ke semasa. Hal ini menyebabkan teknologi semakin maju dan canggih sehingga memberi implikasi kepada kehidupan masyarakat untuk bergerak mengikuti perkembangannya agar tidak ketinggalan zaman. Oleh itu, teknologi dan media sosial menjadi sarana penting dalam menyampaikan maklumat tentang isu-isu dalam pelbagai bidang sama ada aspek ekonomi, politik dan agama. Namun, media sosial bukan sahaja dikategorikan sebagai medium untuk menyebarkan maklumat dan komunikasi sahaja tetapi media sosial juga memainkan peranan sebagai pusat hiburan dan perantaraan kepada masyarakat sebagai sumber pelbagai aktiviti (Faradillah et al., 2015). Di samping itu, jangkauannya yang sangat luas dan cepat ini tidak dapat dihalangi kehadirannya dalam kehidupan manusia yang serba moden (Palupi et al., 2021). Dewasa ini, media sosial memiliki pelbagai ragam dengan wujudnya berbagai fungsi yang menjadi ciri khas media sosial itu sendiri seperti Facebook, Instagram, Twitter, WhatsApp, Tiktok dan sebagainya (Miski & Putri, 2022).

TikTok dapat didefinisikan sebagai platform perkongsian video yang menggabungkan elemen audio dan visual (Khaidir & Osman, 2022). Hal ini menyebabkan TikTok dijadikan sebagai media sosial popular dan digunakan secara meluas oleh orang ramai dalam pelbagai lapisan masyarakat. Melalui TikTok pengguna boleh menghasilkan, mengedit, menonton, memuat naik dan berkongsi pelbagai ilmu (Shari, 2021). Tambahan pula, kemajuan teknologi telah memudahkan penyebaran agama Islam seperti pelbagai video pengajaran dan pembelajaran berkaitan Pendidikan Islam khususnya ilmu hadis disebarluaskan menggunakan aplikasi TikTok.

Manakala Hadis dapat didefinisikan sebagai segala sesuatu yang disandarkan kepada Rasulullah SAW baik berupa perkataan, perbuatan, pengakuan (taqrir) maupun sifatnya (Yulanda, 2020). Selain itu, hadis adalah sumber kedua ajaran Islam selepas Al-Quran kerana kewujudan hadis akan memudahkan umat Islam dalam memahami makna Al-Quran yang bersifat umum. Bahkan, fungsi hadis juga menetapkan hukum yang mana tidak ditetapkan Al-Quran (Dzakiy et al., 2022). Namun, terdapat segelintir masyarakat tidak bertanggungjawab

yang berusaha untuk menyandarkan hadis kepada Rasulullah SAW padahal hadis tersebut palsu atau dikenali sebagai Maudu'. Antara contohnya ialah Terung merupakan ubat segala penyakit. Hadis ini adalah contoh hadis palsu kerana Rasulullah tidak pernah menyampaikan hal sedemikian bahkan sanad dan matan hadis ini juga tidak dijelaskan dengan lebih lanjut (Yulanda, 2020).

Justeru, kajian ini membahaskan tentang penyebaran hadis menggunakan aplikasi TikTok. Antara hadis yang disebarluaskan di Tiktok berstatus sahih, hasan, dhaif dan palsu. Oleh itu, sebelum pendakwah bertindak dalam menjalankan kegiatan dakwah iaitu memuat naik video berkenaan ilmu agama seperti hadis di Tiktok, terdapat asas-asas tertentu yang perlu digunakan oleh pendakwah iaitu menyemak terlebih dahulu isi dakwah yang ingin disampaikan kepada masyarakat serta pendakwah tersebut hendaklah menyampaikannya dengan cara berhikmah supaya penyebaran hadis palsu tidak disebarluaskan secara meluas dalam kalangan masyarakat.

Permasalahan Kajian

Berdasarkan pemerhatian secara langsung sebagai pengguna media sosial, pengkaji mendapati bahawa kredibiliti hadis tersebut tidak dapat dikenalpasti. Penyalahgunaan media sosial kini telah mewujudkan pengguna yang bebas memuat naik video (Rahman et al., 2022) iaitu pengguna media sosial bebas untuk memuat naik video tanpa perlu ditapis terlebih dahulu. Lantas, permasalahan ini timbul apabila wujudnya banyak video berkaitan hadis palsu yang berleluasan di aplikasi Tiktok. Tambahan pula, permasalahan ini timbul kerana kebanyakan masyarakat awam kurang mengetahui tentang ilmu hadis kerana kurang didekah dengan nilai pengajaran dan pembelajaran hadis.

Jika dilihat pada masa kini kebanyakan masyarakat lebih gemar menggunakan media sosial contohnya aplikasi Tiktok sebagai pilihan utama dalam mengambil dan mengamalkan sesuatu hadis yang tersebar tanpa mengetahui kesahihannya. Bukan itu sahaja, terdapat segelintir masyarakat berhadapan banyak cabaran dalam mempelajari ilmu hadis secara bersempena kerana kebanyakan kelas hadis dikenakan bayaran. Disebabkan itu, pengguna lebih gemar menonton video di aplikasi Tiktok kerana kekangan wang dan masa yang mencukupi. Setelah meneliti akan permasalahan tersebut, pengkaji memutuskan untuk meneliti video-video pendek di Tiktok yang memuat naik hadis Rasulullah SAW serta mengkaji tentang kredibiliti status hadis yang tersebar secara meluas di aplikasi Tiktok.

Objektif Kajian

Berdasarkan permasalahan kajian di atas, maka kajian ini dilakukan untuk mencapai objektif-objektif seperti berikut:

- 1) Mengenalpasti beberapa video hadith yang tersebar di Tiktok.
- 2) Menganalisis status hadith yang dimuat naik di Tiktok.
- 3) Menjelaskan isu-isu berkaitan hadith di Tiktok yang tersebar dalam kalangan masyarakat.

Metodologi Kajian

Metodologi kajian adalah kaedah yang digunakan dalam menjalankan penyelidikan. Secara umumnya, metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk kualitatif iaitu menganalisi dokumen dan video daripada akaun Tiktok. Oleh yang demikian proses kajian kualitatif ini bertujuan untuk menganalisis video yang berkaitan dengan hadith Rasulullah SAW di aplikasi Tiktok.

Kajian Lepas

Kajian yang dijalankan oleh Shari (2021) di dalam kertas kajian bertajuk “Bentuk Mediatisasi Hadis berupa Video: Respon Netizen terhadap Video Pendek Mengenai Hadis di Aplikasi Tiktok” bertujuan untuk membincangkan video pendek dan respon netizen mengenai hadis di Tiktok. Dalam kajian ini, terdapat penemuan pelbagai jenis video pada aplikasi Tiktok contohnya video yang berlatar belakang yang cantik diiringi musik bertemakan Islam, hadis-hadis yang diperoleh daripada Twitter lalu dimasukkan ke dalam Tiktok dengan diiringi lagu-lagu Islamik dan petikan video berkenaan penjelasan hadis Nabi yang diperoleh daripada Youtube kemudian diselitkan ke dalam Tiktok. Kesimpulannya, terdapat banyak video tentang penjelasan hadis di Tiktok yang ringkas, padat dan jelas. Namun, pengkaji menasihati bahawa penonton perlu mempunyai sikap *Tabayyun* dalam diri iaitu tidak mudah mempercayai sesuatu dan mencari kebenaran khususnya dalam perkara berkaitan agama sama ada berguru atau membaca kitab-kitab hadis daripada para ulama.

Nur Fatin Farhanah et al., (2022) telah melakukan kajian yang bertajuk “Keberkesanan Aplikasi Tiktok dalam Menyampaikan Nilai Pengajaran Quran dan Sunnah dalam Kalangan Masyarakat”, tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji kesan dakwah terhadap masyarakat melalui aplikasi Tiktok. Tambahan itu, ia juga bertujuan untuk menganalisis tahap keberkesanan video berkenaan dakwah yang dimuat naik di aplikasi Tiktok. Metodologi kajian ini adalah kuantitatif yang mana ia dijalankan berasaskan soal selidik yang disebarluaskan kepada masyarakat. Hasil daripada kajian ini dapat membuktikan bahawa aplikasi Tiktok dapat dijadikan medium dalam menyebarkan dakwah kepada Masyarakat. Justeru, aplikasi Tiktok juga dapat membantu pendakwah dalam mendekati masyarakat untuk menyampaikan nilai pengajaran Quran dan Sunnah.

Kajian yang dijalankan oleh Miski dan Putri Ghoida’ Habibillah (2022) di kertas kajian yang bertajuk “Altersasi fungsi hadis dalam Media Sosial Tiktok”, kajian ini merupakan salah satu kajian kualitatif yang merujuk pada video yang dimuat naik dalam platform TikTok dengan pelbagai perbahasan mengenai hadis nabi tetapi ia hanyalah secara ringkas sahaja dan tidak secara terperinci. Oleh itu, penyebaran hadis di Tiktok ini memerlukan kepada rujukan untuk memahami dengan lebih mendalam agar dapat mengelakkan daripada kesalahfahaman. Penyebaran Hadis melalui platform Tiktok ini mempunyai kesan yang buruk kepada masyarakat yang kurang bijak dalam memanfaatkannya. Antaranya ialah peranan hadis sebagai penjelasan kepada al-Quran ini telah bertukar menjadi medium untuk mengejar populariti. Selain itu, pengguna Tiktok ini juga hanya memikirkan tentang kemudahan dalam menyebarkan maklumat tanpa perlu menghabiskan banyak masa, kos dan tenaga. Seterusnya, terdapat juga usahawan produk yang mengambil kesempatan terhadap hadis Rasulullah SAW dalam melaraskan jualan mereka. Oleh yang demikian, Tiktok dianggap tidak sesuai dijadikan sebagai rujukan utama dalam ilmu berkaitan hadis.

Menurut Clara Sinta Pratiwi (2022) dalam kajian yang bertajuk “Platform Tiktok sebagai Representasi Media Dakwah di Era Digital”, tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis kajian terhadap akaun Tiktok Husein Basyaiban mengenai isi kandungan Tiktok dalam menyebarkan dakwah Islam. Pendekatan yang digunakan adalah pendekatan kualitatif iaitu penelitian analisi teks media dengan menggunakan analisis semiotika model Charles Sanders Pierce. Hasil kajian didalam artikel ini adalah platform Tiktok merupakan yang mampu menjadi sebagai satu media dakwah di era moden pada zaman ini. Hal ini kerana, jumlah netizen banyak mengulas berkaitan dengan muat naik video dakwah, ini menunjukkan bahawa Tiktok semakin mendapat perhatian yang cukup besar daripada kalangan pendakwah zaman sekarang. Selain itu, Tiktok juga

menjadi semakin lebih efisen dan mudah kerana hanya satu video ringkas mampu mempengaruhi ratusan puluhan ribu.

Seterusnya, Rahmat Jasinal (2022) di dalam kajiannya yang bertajuk “Otoritas Hadis di Media Sosial: Analisis Video-Video Hadis Dalam Platform Tiktok” menerangkan tujuan kajian adalah untuk mengkaji kewibawaan hadis di media sosial dan untuk analisis video hadis di platform Tiktok. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Hasil dapatan di dalam artikel ini menerangkan bahawa terdapat 4 bentuk penyebaran hadis di platform Tiktok dan dapat disimpulkan bahawa kewibawaan dalam Tiktok masih relevan dan boleh digunakan untuk menyebarkan hadis dengan syarat perlu menyemak sebelum menyebarkan hadis tersebut.

Dapatan Kajian

Kajian ini tertumpu kepada video berkaitan hadis Rasulullah SAW yang dimuatnaik di aplikasi Tiktok. Antara isu-isu yang dibahaskan dalam kajian ini adalah hadis tentang selawat kepada Nabi SAW, hadis Nabi SAW tentang perkara halal yang dibenci oleh Allah adalah Talak dan hadis keutamaan membaca Surah Yasin. Dapatan kajian ini berdasarkan tiga objektif yang dinyatakan diatas.

1. Hadis tentang selawat kepada Nabi SAW



Rajah 1



Rajah 2

Hadis pertama tentang selawat kepada Nabi SAW ketika telinga berdengung. *Hadis tentang amalan ketika telinga berdengung telah disebarluaskan di aplikasi Tiktok. Hadis ini dikatakan telah disampaikan oleh Nabi SAW yang mana ia berbunyi seperti ini:*

((إذا طنت أذن أحكم فليذكريني، وليصلّ علیّ، وليرسل: ذكر الله من ذكري بخير))

Maksudya: "Apabila telinga kamu berdengung, hendaklah dia ingat kepadaku dan berselawat ke atasku dengan berkata: "Semoga Allah akan mengingatkan yang mengingatku dengan kebaikan."

Hadis atau riwayat di atas, diriwayatkan oleh Imam al-Thabarani di dalam tiga kitabnya antaranya al-Mu'jam al-Awsath (9222), al-Mu'jam al-Saghir (1104) dan juga di dalam al-Mu'jam al-Kabir (958). Selain itu, Imam Ibn al-Sunni juga meriwayatkan di dalam kitabnya iaitu 'Amal al-Yaum wa al-Lailah (166) (Muhammad Mushfique, 2020). Terdapat beberapa pendapat ulama' dalam membahaskan status hadis di atas dengan lebih lanjut antaranya: Imam Ibn al-Jawzi dan al-Uqailiy menyatakan bahawa status hadis ini adalah palsu. Manakala Yahya Ibn Ma'ain berpendapat bahawa hadis ini berstatus palsu. Selain itu, Muhammad bin Tahir menilai hadis ini Matruk dan Bukhari pula mengatakan bahawa Ma'mar dan ayahnya adalah Munkar hadis (Ibn Jawzi, 1968). Imam al-Fattani menghukum hadis ini sebagai palsu dan beliau menukarkan pandangan al-Sakhawi (Al-Fattani, 1343H). Di samping itu, Syeikh Mir'i bin Yusuf al-Maqdisi juga menilai hadis ini sebagai palsu (Mar'ie al-Mukarami, 1998).

Dapat disimpulkan daripada perbahasan diatas, hadis tentang berselawat kepada Nabi SAW ketika telinga berdesing merupakan hadis tidak sahih. Ini bermaksud status hadis tersebut adalah palsu. Oleh itu, sebagai umat islam tidak dibolehkan untuk meriwayatkan atau menyampaikan hadis tersebut apabila diketahui akan status hadis itu palsu melainkan menjelaskan kepalsuan hadis tersebut ketika menyebarkannya supaya tidak menggalakkan

masyarakat dalam mengambil dan mengamalkan hadis tersebut. Sebagaimana sabda Nabi SAW:

مَنْ حَدَّثَ عَنِّي بِحَدِيثٍ، وَهُوَ يَرِى أَنَّهُ كَذِبٌ؛ فَهُوَ أَحَدُ الْكَاذِبِينَ

Maksudnya: “Sesiapa yang menyampaikan daripadaku sesuatu hadith yang pada sangkaannya adalah dusta maka dia adalah termasuk dalam kalangan pendusta”

Justeru, sebagai umat Islam sepatutnya berhati-hati dalam menyebarkan sesuatu hadis dan mengenal pasti akan kesahihan status sebuah hadis atau perlu ada sikap *Tabayyun* kerana ianya amat penting lebih-lebih lagi ia berkait dengan Nabi SAW supaya dapat mengelakkan masyarakat berdusta terhadapnya dan hadithnya.

2. Hadis tentang perkara halal yang dibenci oleh Allah adalah Talak



Rajah 3

Hadis ini membahaskan tentang Talak yang dianggap sebagai perkara yang dibenci oleh Allah. Perceraian dalam istilah fikih Islam dapat didefinisikan sebagai “*ṭalāq*” yang merupakan suatu hukum berkaitan dengan pemutusan hubungan pernikahan . Menurut terminologi, talak dianggap suatu ikatan perkahwinan yang terlerai dengan lafaz talak dan yang seumpamanya (Jahmuri & Zuhra, 2018). Hadis yang tersebar di aplikasi Tiktok ini *berbunyi seperti berikut*. Daripada Ibn Umar RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

((أَبْغَضَ الْحَلَالَ عِنْدَ اللَّهِ الطَّلاقُ))

Maksudnya: “Perkara halal yang paling dimurkai Allah adalah talak.”

Hadis ini diriwayatkan dalam Sunan Abu Daud dan Ibn Majah yang membahaskan bahawa tidak ada suatu hal yang dihalalkan Allah yang lebih dibenci dari talak. Terdapat perselisihan faham antara Ulama' dalam menentukan hukum bagi hadis ini (Muhammad Mushfique, 2020).

Terdapat beberapa pendapat ulama' dalam membahaskan status hadis di atas dengan lebih lanjut antaranya ialah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud dan Ibn Majah telah disahkan oleh al-Hakim. Akan tetapi, Imam Abu Hatim merajihkan bahawa ia adalah mursal (As-Shan'ani, n.d). Bagi pendapat lain pula, contohnya Al-Qardhawi menyatakan bahawa hadis ini adalah sahih manakala sebahagian ulama' yang lain berpendapat bahawa status hadis ini adalah dhaif dari segi maknanya. Selain itu, Al-Darqutni memasukkan hadis ini dalam kitab al-'Ilal al-Warithah fi al-Ahadis al-Nabawiyah yang merupakan sebuah kitab khusus untuk hadis sahih, namun ia mempunyai 'illah iaitu kecacatan yang menyebabkan hadis ini menjadi dha'if iaitu lemah. Di samping itu juga, Muhammad b. Ali al-Ityubi berpendapat bahawa hadis ini adalah mursal akan tetapi status ini bercanggah dengan pendapat al-Albani kerana beliau menyatakan hadis ini adalah dha'if. Namun, Al-Baihaqi merajihkan hadis ini adalah mursal. Seterusnya, Al-Hakim dalam al-Mustadrak ia berkata: "Ini adalah hadith yang sahih sanadnya". Ibn Baz juga berpendapat bahawa hadis ini adalah sahih (Amrulloh, 2015).

Disimpulkan daripada perbahasan di atas, hadis ini mempunyai perbezaan pendapat terhadap status dhaif hadis tersebut dan juga didapati telah menimbulkan perselisihan faham di kalangan ulama' dalam menentukan hukumnya. Hal ini kerana wujudnya sebahagian ulama' yang menyatakan bahawa status hadis ini sahih kerana sanadnya bersambung kepada Rasulullah SAW. Terdapat juga sebahagian lain yang menyatakan bahawa hadis ini dhaif kerana terputus sanad iaitu gugurnya nama sahabat di dalam sanad hadis tersebut. Oleh sebab itu, status hadis ini dihukumkan sebagai mursal. Tambahan pula, hadis ini terbahagi kepada halal yang disukai dan dibenci (A Irwan Santeri & Hoque, 2020). Hal ini disabitkan dengan hukum talak dalam Islam yang terbahagi kepada lima bahagian iaitu wajib, haram, mubah, sunat dan makruh. Menurut Jumhur Ulama, hukum talak itu mubah tetapi lebih baik dijauhi manakala Ulama Syafi'iyah dan hanabilah berpendapat bahawa hukum talak boleh menjadi wajib, haram dan sunnah (Rusli Halil Nasution, 2018).

Natijahnya, antara pengajaran yang dapat diambil daripada video yang dikongsi ini adalah sebagai umat Islam seharusnya berhati-hati dalam menyebarkan ilmu hadis dan hendaklah menceritakan sesuatu ilmu dengan lebih terperinci agar tidak berlaku kesalahfahaman antara masyarakat yang menonton video tersebut. Dalam masa yang sama, perbahasan hadis yang tersebar ini juga dapat dijadikan *sebagai peringatan kepada suami isteri agar menghindari niat atau keinginan untuk bercerai seandainya wujud permasalahan dalam perhubungan hendaklah diselesaikan dengan cara yang baik demi menjamin kesejahteraan rumah tangga dan semua pihak.*

3. Hadis keutamaan membaca Yassin



Rajah 4

Hadis yang dibahaskan di dalam video di atas berkaitan keutamaan Surah Yassin. Video ceramah pendek daripada Khalid Basalamah telah menyebut bahawa kebiasaan orang Indonesia membaca Yassin pada waktu tertentu contohnya ketika pindah rumah, orang mati dan banyak lagi. Khalid Basalamah berpendapat bahawa Orang Indonesia melakukan perkara tersebut kerana adanya hadis yang mengatakan bahawa Surah Yassin merupakan jantung Quran. Namun, telah dibahaskan di dalam video tersebut, hadis itu adalah dhaif kerana salah satu sanadnya adalah berdusta (Shari, 2021). Daripada Anas bin Malik RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

القرآن قراءة بقراءتها له الله كتب يس قرأ ومن يس، القرآن وقلب قلبا، شيء لكل إن
 مرات عشر

Maksudnya: “Setiap sesuatu itu mempunyai hati, dan sesungguhnya hati al-Quran adalah surah Yasin. Barangsiapa yang membacanya maka pahalanya seumpama membaca sepuluh kali al-Quran”.

Terdapat beberapa pendapat ulama' dalam membahaskan status hadis di atas dengan lebih lanjut antaranya: Kata Imam Tarmizi tentang status hadis ini yang mana statusnya adalah Gharib. Tidak diketahui akan hadis ini kecuali dengan periyawatan hadis Hamid bin Abdul Rahman. Imam Tarmizi juga menyatakan bahawa salah seorang daripada perawi di dalam hadis ini iaitu Harun Abu Muhammad adalah majhul (A Irwan Santeri & Hoque, 2020). Pendapat lain iaitu daripada Imam Ibn Kathir juga menyatakan bahawa hadis ini tidak sahih kerana sanad hadis ini lemah (dhaif).

Dapat disimpulkan daripada perbahasan di atas, hadis yang menceritakan tentang kelebihan Surah Yasin adalah lemah (dhaif). Walaupun begitu, sebagai umat Islam digalakkan dan dituntut untuk sentiasa melazimi dan membaca Surah Yasin tidak mengira waktu dan tempat.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, terdapat banyak cabaran dan halangan yang wujud dalam menelusuri arus modernisasi dunia hari ini. Oleh itu, para pengguna media sosial perlu berhemah dalam menyebar dan menerima hadis berserta ilmunya di aplikasi Tiktok. Dengan ini, pengguna perlu memastikan status hadis terlebih dahulu dan menerima video pengajaran hadis setelah diteliti kesahihan hadis tersebut sebelum dipraktiskan dalam kehidupan seharian. Masyarakat perlu memanfaatkan teknologi canggih yang popular ini dengan menyebarkan ilmu hadis yang berguna untuk masyarakat namun diharapkan orang yang bertanggungjawab keatas penyebaran hadis tersebut menyertakannya dengan huraiyan yang jelas supaya dapat memberi kefahaman kepada pengguna.

Selain itu, masyarakat lebih cenderung menggunakan aplikasi TikTok dalam menyampaikan ilmu berkaitan agama Islam berbanding media sosial yang lain. Hal ini bermakna Tiktok bukan sahaja platform hiburan namun platform yang dapat digunakan untuk menyampaikan ajaran Islam. Oleh yang demikian, para pengguna perlu merebut peluang ini dengan memanfaatkan sebaiknya terutamanya menyampaikan dakwah kepada masyarakat. Namun begitu, terdapat juga hadis palsu yang disebarluaskan di Tiktok. Hal ini terjadi kerana mereka kurang ilmu berkenaan hadis tersebut. Oleh itu, kajian ini untuk memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa semua hadis yang dimuat naik di aplikasi Tiktok tidak semestinya sahih. Justeru, diharapkan kajian ini dapat memberi manfaat dan menyumbang ilmu pengetahuan kepada masyarakat tanpa mengira usia dalam mendalami ilmu hadis serta mengenalpasti kredibiliti sesuatu hadis di Tiktok.

Rujukan

- A Irwan Santeri, D.K. & Hoque, M. (2020). *Dirasat fi al-hadith al-da’if wa al-mawdu’*. (2nd ed.). USIM PRESS
- Abu Dawud Sulayman b. al-Asy’ath al-Sijistani, Sunan Abi Dawud, Vol. 2, No. 2177 (Beirut: al-Maktabah al-‘Asriyah, t.th).
- Amrulloh, A. (2015). Kesahihan Dan Ke-Da ‘if-an Hadith “Perkara Halal Yang Paling Dibenci Allah Adalah Talak” Dan Implikasinya Terhadap Konsep Talak. *Maraji Journal of Islamic Studies*, 2(1), 197-225.
- As-Shan’ani. (n.d). Subul as-Salam. Darul al-Hadis, Vol. 2.
- Dzakiy, A. F., Ustadiyah, A. D., & Hakim, M. L. (2022). Hadis Palsu, Pemalsuan dan Pencegahannya Di Era Digital. *Al-Bayan: Journal of Hadith Studies*, 1(2), 1-13.
- Faradillah Iqmar Omar, Hazlin Falina Rosli, Nurzakira Afnee Zakaria, & Nuraina Nabila Dundai Abdullah (2015). Hubungan Penggunaan Media Sosial Dan Penerimaan Mesej Dakwah. Proceeding Of The 2nd International Conference on Management and Muamalah 2015 (2nd Icomm) 16th – 17th November 2015. Pp. 181-191.
- Ibn Jawzi. (1968). *al-Mawdu’at*. Muhammad Abd al-Muhsin sahibul maktabah salafiat bi Madinah Munawarah
- Ibn Majah Abu ‘Abd Allah Muhammad b. Yazid, Sunan Ibn Majah, Vol. 1. (t.tp: Dar Ihya’ al-Kutub al-‘Arabiyyah, t.th).

- Jamhuri, J. (2020). Konsep Talak Menurut Ibnu Qayyim Al-Jauziyyah (Analisis Waktu Dan Jumlah Penjatuhan Talak). *Media Syari'ah: Wahana Kajian Hukum Islam dan Pranata Sosial*, 20(1), 95-122.
- Jasinal Rahmat (2022). Otoritas Hadis di Media Sosial: Analisis Video-Video Hadis dalam Platform Tiktok. *Jurnal Dakwah Tabligh*, Vol. 23 No. 1. <https://doi.org/10.24252/jdt.v23i1.29336>
- Khaidir, M. Q. & Osman, K. (2022). Dakwah melalui media (aplikasi Tiktok).
- Muhammad Mushfique Bin Ahmad Ayoub @ Ayub. (2020, January 28). *Irsyad al-Hadith siri ke-459: Telinga Berdengung Tanda Nabi saw Rindu Kepadanya*. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Retrieved November 17, 2022, from <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-al-hadith/4065-irsyad-al-hadith-siri-ke-459-telinga-berdengung-tanda-nabi-saw-rindu-kepadanya>
- Muhammad Mushfique Bin Ahmad Ayoub @ Ayub. (2018, Mac 08). *Irsyad Al-Hadith Siri Ke-256: Talak Menggegarkan 'Arash dan Dimurkai Allah*. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Retrieved November 17, 2022, from <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-al-hadith/2334-irsyad-al-hadith-siri-ke-256-talak-menggegarkan-arash-dan-dimurkai-allah>
- Miski, M., & Ghoida'Habibillah, P. (2022). Alteration of Hadith Functions in TikTok Social Media. *Jurnal Living Hadis*, 7(1), 97-120. DOI: 10.14421/livinghadis.2022.4002
- Palupi, R., Istiqomah, U., Fravisdha, F. V., Septiana, N. L., & Sarapil, A. M. (2021). ANALISIS PENGGUNAAN APLIKASI TIKTOK SEBAGAI MEDIA DAKWAH DI ERA MODERN. *Academica: Journal of Multidisciplinary Studies*, 5(1), 89-104.
- Rahman, S. M. H. S. A., Ramli, M. A., Sa'ari, C. Z., Norman, A. A., Mamat, M. A., & Azhar, M. H. M. (2022). Penggunaan Media Sosial Baharu: Isu-Isu dan Panduan Perspektif Islam. *Jurnal Usuluddin*, 50(1), 69-92.
- Shari, M. F. (2021). Bentuk Mediatisasi Hadis berupa video: Respon Netizen Terhadap Video Pendek Mengenai di Aplikasi Tiktok. *Journal Moderasi: The Journal of Ushuluddin and Islamic Thought, and Muslim Societies*, 1(2), 170-184
- Sinta Pratiwi, C. (2022). Platform Tiktok Sebagai representasi media Dakwah di era digital. *JISAB: The Journal of Islamic Communication and Broadcasting*, 2(1), 50-65. <https://doi.org/10.53515/jisab.v2i1.16>
- Yulanda, A. (2020), Kajian Hadis-Hadis Palsu Yang Populer Oleh Ustadz Adi Hidayat: Studi Atas Fenomena Hadis Di Youtube. *ISLAM TRANSFORMATIF: Journal of Islamic Studies*, 4 (1), 36-45.